

# RISALAH MAKLUMAT UNTUK PESAKIT

# PROBENECID



MINISTRY OF HEALTH  
SINGAPORE



*Adding years of healthy life*



A member of the NUHS



member of the NUHS



Jurong Health



SINGHEALTH / PIL / M121R0

## MENGENAI ubat anda

Probenecid digunakan untuk merawati gout, arthritis gout dan masalah-masalah lain yang disebabkan oleh terlalu banyak asid urik di dalam badan anda. Probenecid juga boleh membantu sesetengah antibiotik supaya bertindak dengan lebih baik.

## BAGAIMANAKAH saya mengambil ubat ini?

Doktor anda akan menentukan jumlah ubat yang anda perlu berdasarkan keadaan anda. Ambil ubat ini mengikut dos yang dipreskripsi oleh doktor anda.

Teruskan pengambilan ubat anda, walaupun anda berasa bahawa ubat ini tidak berkesan atau anda juga mengambil ubat lain untuk serangan gout. Serangan gout sepatutnya menjadi lebih pendek dan kurang menyakitkan selepas beberapa minggu atau bulan.

Minum 10 hingga 12 gelas air penuh setiap hari kecuali doktor anda memberitahu anda jangan membuat demikian.

Ambil ubat anda dengan makanan, susu atau antasid untuk mencegah ketidakselesaan perut.

## Apa yang patut saya buat jika saya TERLUPA satu dos?

Jika anda tertinggal satu dos atau terlupa ambil ubat anda, ambil dos tersebut sebaik sahaja anda ingat. Namun, jika sudah menghampiri masa untuk dos yang berikutnya, maka tunggu sehingga masa tersebut dan biarkan sahaja dos yang terlupa. Jangan gandakan dos anda atau mengambil ubat yang berlebihan demi menggantikan dos yang terlupa. Jika anda sudah terlupa beberapa dos, sila panggil doktor anda untuk nasihat apa yang patut anda buat.

## Apakah KESAN-KESAN SAMPINGAN yang mungkin berlaku untuk ubat ini?

Panggil doktor anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan ini:

- Denyutan jantung yang cepat atau tidak teratur
- Kesakitan dada yang berterusan dan melebihi 15 minit
- Pernafasan berdesit atau kesukaran bernafas
- Kebengkakan di sekeliling mata atau kelopak mata
- Ruam kulit, kegatalan yang serius atau urtikaria
- Demam atau kesakitan tekan yang luar biasa
- Air kencing berdarah atau kesakitan semasa membuang air kencing

Periksa dengan doktor anda jika anda mengalami kesan-kesan sampingan yang kurang serius seperti berikut:

- Sakit kepala atau pening kepala
- Mual atau muntah
- Hilang selera makan
- Merah muka

## Apakah LANGKAH BERJAGA-JAGA yang patut saya ambil?

Periksa dengan doktor anda sebelum pengambilan ubat ini jika anda menghidapi penyakit barah dan sedang menerima rawatan untuknya, penyakit darah atau penyakit buah pinggang atau ulser perut.

Jika anda menghidapi penyakit kencing manis, probenecid mungkin menyebabkan keputusan yang tidak tepat untuk sesetengah ujian yang digunakan untuk memeriksa kandungan gula di dalam air kencing anda.

Beritahu doktor dan ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil ubat-ubat lain, sediaan-sediaan jamu, produk-produk nutrisi atau vitamin.

Anda mesti memberitahu doktor anda jika anda mengalami alahan terhadap sebarang ubat-ubat lain atau jika anda mengalami alahan semasa mengambil ubat ini. Simptom-simptom alahan termasuk salah satu atau lebih daripada yang berikut: kebengkakan muka/mata/bibir mulut, kesukaran bernafas atau kegatalan ruam kulit yang merebak.

Beritahu doktor anda jika anda sedang menyusui anak, sedang hamil atau mungkin akan hamil semasa khusus rawatan.

## Bagaimana patut saya MENYIMPAN ubat ini?

Simpan ubat di tempat yang kering pada suhu bilik, jauh daripada haba dan cahaya matahari langsung. Jangan simpan ubat di dalam peti sejuk kecuali diarahkan untuk membuat demikian.